



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MENTERI MOSTI BERTEMU DUA PELAJAR CEMERLANG MALAYSIA PROGRAM PELAJAR MUSIM PANAS CERN 2024 (CSSP)

PUTRAJAYA, 11 September 2024 – Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Yang Berhormat Tuan Chang Chang Lih Kang hari ini bertemu dengan dua pelajar cemerlang Malaysia, Nurul Nabiilah Sulaiman, 25, dan Shim Zi Jun, 23, yang baru-baru ini menyertai Program Pelajar Musim Panas CERN (CSSP) di Geneva, Switzerland.

Mereka merupakan antara 150 saintis muda dari seluruh dunia bagi mengambil bahagian secara aktif dalam operasi harian kumpulan penyelidik yang menjalankan eksperimen di Pertubuhan Penyelidikan Kajian Nuklear Eropah (CERN). Program berkenaan telah berlangsung pada 1 Julai hingga 25 Ogos 2024. Dalam sesi pertemuan bersama YB Menteri MOSTI, Nurul Nabiilah dan Zi Jun berkongsi pengalaman mereka di program berkenaan terutamanya impak yang diperoleh terhadap perkembangan kerjaya mereka sebagai saintis muda.

Nurul Nabiilah merupakan graduan lulusan Ijazah Sarjana Muda dalam Fizik dari Universiti Malaya dan sedang melanjutkan Ijazah Sarjana Sains dalam Kejuruteraan Komunikasi di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Zi Jun merupakan pelajar Ijazah Sarjana dalam Kejuruteraan Awam di University of Nottingham.

Sejak tahun 2012, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Akademi Sains Malaysia (ASM) telah menghantar 25 pelajar, termasuk edisi tahun ini, ke CSSP untuk meningkatkan keupayaan saintifik negara serta mempromosikan kerjasama antarabangsa. Peserta CSSP 2024 antaranya menyertai ceramah khusus oleh pakar global dalam teori dan eksperimen fizik zarah, kejuruteraan dan pengkomputeran. Mereka juga terlibat dalam lawatan ke kemudahan utama CERN seperti ATLAS, Synchrocyclotron, Antiproton Decelerator dan Pusat Data.

Turut hadir dalam pertemuan berkenaan adalah Ketua Setiausaha MOSTI, YBhg. Datuk Ts Dr Hj Aminuddin Hassim dan Ketua Pegawai Eksekutif Akademi Sains Malaysia, Puan Hazami Habib.

#TAMAT#

Disediakan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
AKADEMI SAINS MALAYSIA**

11 SEPTEMBER 2024

Kit media:

Pertanyaan media:

Syakirah Nurizzati Mohamad Hood

syakirah.nurizzati@akademisains.gov.my

(+6017 6780 925)